

07 JUL, 2024

FAMA jamin harga durian tidak meningkat

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA jamin harga durian tidak meningkat

Pengeksportan hanya libatkan durian klon kategori premium

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan harga durian di pasar tempatan tidak akan meningkat tinggi meskipun durian segar akan dieksport ke China pada September depan.

Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, pada tahun ini tempoh buah durian agak panjang sehingga September ini, sekali gus memberi peluang Malaysia bersaing dengan pengekspor negara lain seperti Thailand dan Vietnam.

Menurutnya, pengeksportan hanya melibatkan durian klon kategori premium seperti musang king, IOI dan duri hitam dan pengguna masih mempunyai pelbagai pilihan lain berdasarkan gred raja buah itu.

Jelasnya, setakat ini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mengaudit permohonan kira-kira 70 pusat pembungkusan dan lebih 200 ladang durian yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan mematuhi piawaian myGAP untuk mengekspor buah ke China.

"Pengguna masih ada pilihan gred B, C dan seterusnya termasuk durian kampung."

"Jadi akan ada lagi durian



FOTO: BERNAMA

Abdul Rashid (tengah) melihat buah durian yang dijual selepas merasmikan Program Kendurian @ Jualan Agro Madani di pekarangan pasar raya AEON Bandaraya Melaka pada Sabtu.

mampu milik di pasaran, cuma kalau ada pun mungkin harganya sedikit meningkat dan pengguna juga harus faham, ia berpatutan kenaikan kos yang perlu ditanggung usahawan atau petani," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Jom Kendurian @ Jualan Agro Madani di pekarangan pasar raya AEON Bandaraya Melaka di sini pada Sabtu.

Abdul Rashid mengulas mengenai jaminan FAMA untuk memastikan bekalan durian di negara ini tidak berlaku peningkatan drastik pada masa hadapan susulan KPKM menjangkakan eksport durian segar ke China dapat dilaksanakan pada suku

ketiga tahun ini.

Beliau berkata, setakat ini kaedah penghantaran belum diputuskan, sama ada menggunakan laluan udara atau laut merupakan pilihan terbaik bagi menjaga kualiti raja buah tersebut.

"Kita tengok pada bulan September nanti bekalan banyak lagi atau tidak, nilai kalau laut satu kontena dijangka mencecah RM200,000 ke RM300,000 membabitkan 10 ke 20 tan metrik durian segar," ujarnya.

Pada Isnin lalu, Menteri KPKM Datuk Seri Mohamad Sabu pada sidang Dewan Rakyat menyatakan pengekspортan itu susulan pemeterian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengekspортan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China, 19 Jun lalu.

Malaysia sedang melalui proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) yang mengambil masa dua hingga tiga bulan dan KPKM melalui Jabatan Pertanian sedang memuktamadkan Sijil Fitosanitasi bersama GACC.





07 JUL, 2024

FAMA jamin harga durian tidak meningkat

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pengeksportan hanya libatkan durian klon kategori premium

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan harga durian di pasaran tempatan tidak akan meningkat tinggi meskipun durian segar akan dieksport ke China pada September depan. Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, pada tahun ini tempoh buah durian agak panjang sehingga September ini, sekali gus memberi peluang Malaysia bersaing dengan pengekspor negara lain seperti Thailand dan Vietnam.